

03/03/1999

PM kecewa tindakan Rahim

Kamal Ahmad in Dhaka

DHAKA, Selasa - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kecewa dengan tindakan bekas Ketua Polis Negara, Tan Sri Abdul Rahim Noor, mencederakan Datuk Seri Anwar Ibrahim ketika dalam tahanan polis September tahun lalu.

"Saya kecewa... bekas Ketua Polis Negara terbabit memukul bekas Timbalan Perdana Menteri. Nampaknya itulah apa yang beliau akui lakukan.

"Sekarang, bukan saya yang menentukan apa harus dilakukan terhadap beliau (Abdul Rahim). Apa-apa tindakan yang akan diambil akan mengikut proses undang-undang.

"Orang yang bertanggungjawab adalah Peguam Negara. Jika beliau mengambil keputusan untuk mengambil tindakan, itu adalah perkara biasa," kata Perdana Menteri pada sidang akhbar di sini hari ini bagi menjawab soalan mengenai kedudukan Abdul Rahim yang mengaku memukul Anwar.

Dalam keterangannya di hadapan Suruhanjaya Diraja hari ini, Abdul Rahim mengaku menampar muka kiri dan kanan Anwar selepas bekas Timbalan Perdana Menteri itu didakwa mencemuhkannya dengan panggilan 'bapak anjing'.

Bagaimanapun, Abdul Rahim berkata, beliau tidak ingat sama ada memukul Anwar selepas menamparnya kerana kejadian itu berlaku sekelip mata.

Dalam keterangannya, Abdul Rahim juga berkata, beliau bertindak demikian secara bersendirian tanpa didorong, dibantu, diarah atau diminta oleh sesiapa, termasuk Perdana Menteri.

Sebelum ini, Anwar ketika ditanya peguam Karpal Singh mengenai kemungkinan motif serangan itu, berkata beliau percaya Abdul Rahim menerima arahan ketuanya.

Perdana Menteri yang menghadiri sidang kemuncak kedua Kumpulan Lapan Negara Islam Membangun (D8) di sini, berkata tidak ada sesiapa yang mengatasi undang-undang, termasuk orang kenamaan, malah Perdana Menteri atau Timbalan Perdana Menteri.

"Kita bertindak mengikut undang-undang. Jika dia buat sesuatu yang menyalahi undang-undang, maka dia akan dikenakan tindakan sewajarnya.

"Kita juga tidak akan melindungi mana-mana pegawai kerajaan. Jika dia melakukan kesalahan, dia terpaksa menghadapi tindakan.

"Ketika ini ramai pihak menganggap situasi politik di Malaysia tidak stabil. Itu anggapan mereka tetapi pada pandangan kita, ia stabil dan proses perundangan sedang dilaksanakan," katanya.

Pada sidang akhbar itu, Dr Mahathir juga berkata, banyak negara Barat mengenakan tekanan terhadap Malaysia supaya Anwar dibebaskan.

"Beliau (Anwar) mempunyai ramai rakan di Barat. Beliau menyokong dasar Barat. Saya rasa mereka mahu beliau jadi Perdana Menteri Malaysia.

"Jadi, mereka menggunakan media dan pelbagai agensi antarabangsa untuk membebaskan Anwar. Jika percaya kepada undang-undang, undang-undang mesti dijalankan. Sama ada kawan atau musuh, undang-undang mesti dilaksanakan secara adil kepada semua," katanya.

Ditanya hubungan Malaysia dan Amerika Syarikat, Perdana Menteri berkata, keadaannya baik tetapi ada ketika negara itu mempunyai masalah.

"Contohnya, Naib Presiden Al Gore menyeru rakyat Malaysia menentang kerajaan demokratik yang dipilih melalui demonstrasi jalanan. Namun, kita tetap meraikan beliau sebagai tetamu dan kita cukup baik terhadap beliau," katanya.

Mengenai konspirasi luar terhadap Malaysia, beliau menegaskan, apapun bentuknya, kesannya tetap buruk.

(END)

